

## Nasional

# 56 rakyat Malaysia masih di Syria

Kumpulan Daesh mantapkan ideologi pastikan rakyat kita tak pulang

Oleh Asrol Awang  
bhnews@bh.my

**Pekan:** Seramai 56 rakyat Malaysia masih di Syria, termasuk sembilan yang dipercayai terabit dengan aktiviti keganasan berada di penjara Al-Hasakah di negara terabit.

Daripada jumlah itu, 27 orang, masing-masing 10 wanita dewasa, 12 kanak-kanak lelaki dan lima kanak-kanak perempuan berada di Kem Al Hou.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Anti Pengganas (E8) Ca-wangan Khas Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, berkata berdasarkan maklumat, seorang lelaki dewasa kini berada di Idlib.

Bagaimanapun, katanya, baki 19 orang lagi rakyat negara ini tidak dapat diketahui lokasi iaitu membabitkan sembilan lelaki dewasa, dua wanita dewasa, lima kanak-kanak lelaki dan tiga kanak-kanak perempuan.

Berdasarkan risikan maklumat daripada Agensi Pelarian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHCR), keadaan di kem begitu sukar membabitkan golongan wanita dan kanak-kanak.



**Ayob Khan (enam kiri) dan Wan Azhar (enam kanan)** bersama peserta Bicara Cendekian Mula UMP di Dewan Bankuet Cansoleri UMP, Pekan semalam.

(Foto Asrol Awang/BH)

**Kumpulan Daesh ini meyakinkan mereka bahawa Daesh akan kembali berkuasa.**

**Ayob Khan Mydin Pitchay, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Anti Pengganas (E8) Ca-wangan Khas Bukit Aman**

"Pada masa sama, ada usaha kumpulan militan Negara Islam (Daesh) untuk memantapkan ideologi mereka bagi memastikan rakyat Malaysia dan negara lain tidak kembali ke negara masing-masing.

"Kumpulan Daesh ini meyakinkan mereka bahawa Daesh akan kembali berkuasa," katanya pada sidang media selepas Program Bicara Cendekian Mula Universiti Malaysia Pahang (UMP) membincangkan topik wacana 'Pengga-

nas': Pengaruh dan Ancaman Dalam Negara Bangsa' di UMP di sini semalam.

Yang hadir sama, Naib Canselor UMP, Prof Dr Wan Azhar Wan Yusoff; Ketua Ca-wangan Khas Pa-hang, Datuk Mohd Khalid Ismail serta Timbalan 2 Ketua Ca-wangan Khas (KCK) Risikan dan Operasi Pahang, Asisten Komisioner Daud Omar.

Ditanya tindakan sekiranya mereka kembali ke Malaysia, Ayob Khan berkata, hanya lelaki de-

wasa yang pulang ke Malaysia akan ditahan dan dituduh ke makhramah.

Bagaimanapun, katanya, wanita dan kanak-kanak dibuat perintah khusus menggunakan pakar psikologi dan agama untuk menilai ideologi mereka.

"Kami akan mendapatkan jawapan sebab mereka ke Syria, adakah dipaksa atau ditupu. Jika ada bukti wanita dewasa juga terabit mereka akan dituduh di mahkamah," katanya.